

Ekspedisi saintifik buka peluang penyelidik kaji khazanah hutan simpan kekal Perlis

UB 07.10.2022 P.08

KANGAR: Ekspedisi Sain-
tifik Kepelbagaian Biologi
Hutan, Taman Negeri Per-
lis (Hutan Simpan Bukit
Bintang) membuka peluang
kepada penyelidik untuk
mengkaji khazanah hutan
simpan kekal Perlis, kata
Pengarah Perhutanan Negeri
Perlis Awang Shaffie Awang
Ahmadni.

Beliau berkata, ekspedisi
yang bermula 2 Oktober lepas
hingga hari ini membolehkan
para penyelidik mendapatkan
sampel spesies untuk tujuan
kajian saintifik.

“Agensi yang terlibat dalam
ekspedisi kali ini ialah Institut
Penyelidikan Perhutanan
Malaysia (FRIM), Jabatan

Perlindungan Hidupan Liar
dan Taman Negera Semen-
anjung Malaysia (Perhilitan),
Jabatan Perikanan negeri,
Universiti Putra Malaysia
(UPM) dan Universiti Ma-
laysia Kelantan (UMK).

“Turut terlibat, Uni-
versiti Malaysia Perlis
(UniMAP), Universiti Ma-
laysia Terengganu (UMT),
Universiti Kebangsaan Ma-
laysia (UKM), Politeknik
Tuanku Syed Sirajuddin
(PTSS), Persatuan Pencinta
Alam Malaysia (MNS)
dan Universiti Malaysia
Sabah (UMS),” katanya
kepada pemberita di sini
semalam.

Beliau ditemui pada majlis

perasmian Ekspedisi Sain-
tifik Kepelbagaian Biologi Hutan
Taman Negeri Perlis oleh
Exco Sumber Asli dan Alam
Sekitar, Bioteknologi dan
Teknologi Hijau negeri Teh
Chai Aan.

Katanya, ekspedisi itu
juga bagi membolehkan
para penyelidik mendapat-
kan pengesahan kewujudan
sesuatu spesies unik yang
terdapat di Hutan Simpan
Bukit Bintang di sini.

Awang Shaffie berkata,
ekspedisi itu edisi kelima
diadakan di Perlis sejak 1999
dan merupakan satu daripada
usaha Jabatan Perhutanan
untuk mengumpulkan mak-
lumat baharu mengenai

kepelbagaian biologi serta
memperkaya gedung ilmu
mengenai biologi hutan.

Sementara itu, Teh dalam
ucapannya berkata ekspedisi
tersebut dapat memberi ke-
sedaran kepada masyarakat
awam khususnya mengenai
fungsi dan peranan Jabatan
Perhutanan dalam memeli-
hara kepelbagaian biologi
negeri.

“Saya yakin semua warga
perhutanan, pakar, penye-
lidik dan para saintis yang
menyertai ekspedisi ini be-
roleh manfaat daripada ka-
jian saintifik dan berjaya
menerokai sebanyak mampu
khazanah yang ada di hutan
ini,” katanya. — Bernama